



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI MENGENAI PERLOMBONGAN UNSUR NADIR BUMI (RARE EARTH ELEMENTS) NEGERI KEDAH

**“TIADA KELULUSAN SKIM PENGENDALIAN MELOMBONG
(OMS) UNSUR NADIR BUMI BUKAN RADIOAKTIF (NR-REE)
SEHINGGA SOP DAN PERATURAN DIPATUHI”**

3 DISEMBER 2019

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) merupakan agensi yang bertanggungjawab memastikan aktiviti perlombongan dan pengurusan sumber asli negara dilaksanakan secara mampan. Pelbagai usaha telah digerakkan untuk merealisasikan potensi sumber-sumber mineral termasuklah REE bukan radioaktif (NR-REE) supaya menjadi salah satu sumber ekonomi baharu negara. Beberapa Kerajaan Negeri juga telah menunjukkan minat dan mengambil inisiatif untuk menerokai potensi pembangunan NR-REE ini.

Berdasarkan kajian tinjauan yang dijalankan oleh Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11), sumber mineral negara dianggarkan berjumlah RM4.11 trilion yang merangkumi mineral berlogam, mineral bukan logam dan mineral tenaga. Daripada anggaran ini, sumber NR-REE di Malaysia adalah berjumlah 15.188 juta tan metrik dengan nilai sekitar RM741 bilion (USD182 bilion). Sumber ini kebanyakannya terdapat di negeri Kedah, Perak, Terengganu,

Kelantan, Pahang, Johor dan beberapa negeri lagi. Kajian terperinci akan diteruskan dalam RMKe-12 untuk pemetaan kuantiti rizab NR-REE yang lebih tepat.

KeTSA akan terus memastikan inisiatif perlombongan secara mampan (*sustainable mining*) dan sedang menyediakan prosedur operasi standard (SOP) untuk perlombongan NR-REE. SOP ini turut merangkumi keseluruhan rantai nilai mineral daripada perlombongan hingga kepada pengurusan sisa dan penutupan lombong secara progresif juga perlu disokong dengan perundangan lain yang berkaitan iaitu Akta Pembangunan Mineral 1994, Akta Penyiasatan Kajibumi 1974, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta Enakmen Mineral Negeri-Negeri. Dalam hal ini, KeTSA akan mengadakan sesi konsultasi dengan semua pihak berkepentingan yang terdiri daripada Kerajaan Negeri, Agensi-agensi Persekutuan, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan wakil industri untuk memuktamadkan SOP NR-REE berkenaan. Ini juga bagi memastikan kelestarian alam sekitar, keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta kesejahteraan masyarakat di sekitar kawasan perlombongan.

Pematuhan sepenuhnya SOP ini merupakan syarat utama sebelum memulakan sebarang perlombongan yang dikawal melalui Skim Pengendalian Melombong (*Operational Mining Scheme – OMS*) oleh JMG. Selain penguatkuasaan yang akan dijalankan oleh JMG Negeri, Jabatan Perhutanan Negeri juga berperanan memastikan tiada perlombongan NR-REE dijalankan tanpa kelulusan teknikal dan tiada sebarang sebarang aktiviti perlombongan dijalankan di kawasan hutan simpan kekal. Ini juga dapat mengelakkan insiden pencemaran yang boleh menjejaskan alam sekitar dan kesihatan masyarakat. Walaupun pengeluaran permit untuk penerokaan mineral terletak di bawah kuasa

Kerajaan Negeri, proses saringan dan tapisan perlu dijalankan bagi memastikan semua syarat dipatuhi sebelum kelulusan diberikan.

Pada masa sama, KeTSA juga telah membangunkan kerangka Pelan Transformasi Industri Mineral 2021-2030 yang akan menjadi panduan untuk memastikan pembangunan industri mineral tidak lagi tertumpu kepada aktiviti perlombongan di peringkat hulu semata-mata. Industri mineral perlu berkembang sehingga ke aktiviti pemrosesan, penambahan nilai atau penghasilan produk berasaskan mineral yang merangkumi peringkat pertengahan dan hiliran.

Bagi menyokong agar industri mineral negara terus berkembang, Kerajaan juga telah bersetuju mengaktifkan semula Majlis Mineral Negara (MMN) yang akan menjadi platform tertinggi melibatkan keahlian Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri di mana penyelarasan dasar dan isu-isu utama berkaitan pembangunan industri mineral akan dipertimbangkan. Mesyuarat pertama MMN dijangka diadakan pada penghujung Disember ini.

YB. Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah
Menteri Tenaga dan Sumber Asli
Putrajaya

3 Disember 2020